

07/05/2001

Sambutan Hari Belia pada waktu malam

IPOH, Ahad - Perak bersedia meraikan lebih 20,000 belia dari pelbagai lapisan sempena sambutan Hari Belia Peringkat Kebangsaan di Stadium Perak, 15 Mei ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali, berkata sambutan Hari Belia tahun ini menjanjikan kelainan kerana diadakan pada sebelah malam di kawasan terbuka, iaitu di Stadium Perak.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan melancarkan sambutan Hari Belia itu.

"Kita yakin amanat Perdana Menteri kepada golongan belia dapat dihayati kerana keadaan lebih selesa.

"Selalunya, sambutan diadakan pada sebelah siang dengan keadaan panas hingga mengganggu tumpuan orang ramai," katanya selepas merasmikan kempen derma darah sempena Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, Hari Belia Negara 2001 dan Hari Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sini, hari ini.

Kempen derma darah itu dianjurkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Cawangan Perak dan Majlis Belia Perak (MBP).

PBSM menasarkankan lebih 1,000 orang menderma darah sepanjang kempen itu dan sehingga tengah hari ini sambutan diterima amat menggalakkan apabila lebih ramai orang yang datang untuk menderma darah.

Selain pasukan bersenjata, sebuah sekolah di Kampar turut menghantar lebih 130 pelajarnya bagi menderma darah dalam kempen itu.

Mengenai kempen derma darah itu, Tajol Rosli berkata, kerajaan negeri kagum dengan sambutan orang ramai.

(END)